

27 MAY 1997

Anwar-pilihan raya

PILIHAN RAYA KECIL DI KUALA SELANGOR LUAR BIASA, KATA ANWAR

KUALA SELANGOR, 27 Mei (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pilihan raya kecil di Kuala Selangor bukan pilihan raya kecil biasa kerana ia akan memilih seorang tokoh yang akan memimpin kerajaan negeri Selangor.

Oleh itu, katanya, jentera Barisan Nasional (BN) di bahagian Kuala Selangor harus bekerja keras untuk memberi sokongan yang padu dan cukup kuat bagi menjamin kemenangan calon-calon BN dalam pilihan raya kecil itu.

"Kalau pucuk pimpinan parti dan kerajaan pusat tunjuk komitmen yang seterusnya, saya percaya anak tempatan harus merasa lebih bertanggungjawab bukan sekadar menjamin kemenangan tetapi memberikan sokongan yang cukup kuat, padu dan bulat," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan jentera pilihan raya kecil BN Kuala Selangor di sini petang ini.

Anwar, yang juga pemangku Presiden Umno, merujuk kepada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang yang ditandingi oleh Datuk Abu Hassan Omar yang telah dinamakan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru serta pilihan raya kecil Parlimen Kuala Selangor yang ditandingi oleh Datuk Jamaluddin Adnan, masing-masing sebagai calon BN.

Kedua-dua pilihan raya kecil itu diadakan setelah penyandang kedua-dua kerusi itu meletakkan jawatan pada 2 Mei lepas untuk bertukar kerusi apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN menamakan Abu Hassan sebagai Menteri Besar yang baru.

Mengikut Perlembagaan Negeri Selangor, seorang Menteri Besar mestilah seorang anggota Dewan Undangan Negeri. Abu Hassan yang juga meletakkan jawatan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna pada tarikh yang sama, adalah penyandang kerusi Parlimen Kuala Selangor.

Abu Hassan akan ditentang calon PAS Mohd Maskuri Haji Mardzuki sementara Jamaluddin menghadapi seorang lagi calon PAS Ahmad Alang Khamis ini.

Anwar meminta jentera pilihan raya BN Kuala Selangor supaya berazam untuk mengekalkan majoriti yang dimenangi BN dalam pilihan raya umum 1995.

Ini kerana majoriti yang diharapkan kali ini bukan sekadar menunjukkan sokongan rakyat malah ia turut akan menjadi kebanggaan kerana pemimpin dari kawasan ini akan meneruskan agenda membela nasib penduduk di Kuala Selangor dan menyelesaikan banyak lagi masalah tempatan yang belum selesai, katanya.

Beliau tidak mahu pandangan-pandangan negatif ditimbulkan dalam jentera pilihan raya Kuala Selangor dan semua pihak harus bersatu dalam kerja-kerja kempen.

"Kita dah ada cukup pengalaman dalam menghadapi pilihan raya kecil, orang tak boleh tewaskan kita dari luar, jadi ditimbulkan masalah-masalah kecil dan titik bengik... ini calon Jawa tulen, ada yang kata Melayu tulen."

Kita calon Melayu dan calon Umno, calon yang mewakili kelompok Melayu, calon yang akan menjaga kepentingan orang Cina dan India serta semua penduduk dan pengundi kawasan ini, katanya.

Beliau turut menekankan pentingnya peranan pergerakan Pemuda dan Wanita Umno dan meraka tidak harus mengambil sikap sambil lewa hanya kerana BN telah menang dengan majoriti yang besar dalam pilihan raya yang lepas.

Anwar berharap jentera pilihan raya BN memastikan yang penilaian mengenai sokongan pengundi tidak harus semata-mata berdasarkan taklimat di bilik gerakan tetapi sentiasa ada usaha untuk turun ke kawasan melihat situasi semasa.

"Kita mesti ada jentera dari cawangan, wanita dan pemuda untuk turun buat penilaian yang cukup tepat dan ikhlas... kalau ada masalah yang tak dapat diselesaikan, kita mengaku bahawa kita silap dan kita cuba betulkan," katanya.

-- BERNAMA

AFY/MNY RON